

FUNGSI SOSIOBUDAYA RUMAH ADAT TONGKONAN SUKU TORAJA DI LALIKAN PANGALA', TORAJA UTARA, SULAWESI SELATAN, INDONESIA

SOCIO-CULTURAL FUNCTIONS OF THE TONGKONAN CUSTOM HOUSE OF THE TORAJA TRIBE IN LALIKAN PANGALA', NORTH TORAJA, SOUTH SULAWESI, INDONESIA

Alicia Anatasha Wong¹ & Rosazman Hussin (PhD)², Gusni Saat (PhD)³

^{1,3} Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Malaysia Sabah

² Borneo Institute for Indigenous Studies (BorIIS), Universiti Malaysia Sabah
anatahawong97@gmail.com, azzs@ums.edu.my, sgusni@ums.edu.my

ABSTRACT

Tongkonan Custom House is a cultural heritage owned by the Toraja Tribe in Indonesia where it is the centre of life as a multifunctional custom home. Generally, this Tongkonan Custom House is associated with a belief system devised by the ancestor of the Toraja tribe, Aluk Todolo. It contains many philosophies such as belief, pride, ancient tradition, and civilization all embedded in this building. This study focused to investigate how Tongkonan custom home functions as a cultural heritage in the Toraja tribal community life in Pangala, North Toraja, South Sulawesi, Indonesia. The objectives of this study will focus on the social functioning, physical functioning, and economic functioning of Tongkonan Custom House. The research methodology uses qualitative methods, which are by way of in-depth interviews with interviewing five key informants, observation method by observing Tongkonan Custom House, and secondary data source method for more information. The results of the data analysis show that the social function of Tongkonan Custom House is a place of deliberation for family gatherings through the ceremony of Rambu Solo and Rambu Tuka. The physical function shows the Tongkonan Custom House as a tool that symbolizes social status, reflecting the values of life through motifs and colours, the living room as a place to store the remains of the family's corpses, and the multifunctional structure of the bottom part of Tongkonan Custom House. The economic function of the Tongkonan Custom House as a tourism product has helped to increase the income of the community and to introduce the Tongkonan Custom House to the outside community. This Tongkonan Custom House is a great masterpiece that must be protected so that it can be the vision of future generations.

Keywords: *Cultural heritage, Belief system, Function, Ceremony, Social status*

² Corresponding author: Rosazman Hussin (azzs@ums.edu.my)

ABSTRAK

Rumah Adat Tongkonan merupakan warisan budaya yang dimiliki Suku Toraja di Indonesia dimana ianya menjadi pusat kehidupan sebagai rumah adat yang multifungsi. Secara umumnya, Rumah Adat Tongkonan ini terkait dengan sistem kepercayaan yang diperturunkan oleh leluhur Suku Toraja iaitu Aluk Todolo dan mengandungi banyak filosofi seperti kepercayaan, kebanggaan, tradisi kuno serta peradaban yang semuanya tersirat pada bangunan ini. Fungsi sosiobudaya Rumah Adat Tongkonan sebagai warisan budaya dalam kehidupan komuniti suku Toraja merupakan fokus utama di Kampung Lalikan Pangala', Toraja Utara, Sulawesi Selatan, Indonesia. Objektif kajian ini akan memberi fokus terhadap fungsi sosial, fungsi fizikal dan fungsi ekonomi Rumah Adat Tongkonan. Metodologi kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu menerusi kaedah temu bual mendalam dengan menemubual seramai lima orang key informan, kaedah pemerhatian dengan memerhati Rumah Adat Tongkonan dan kaedah sumber data sekunder bagi mendapatkan maklumat yang lebih lanjut. Hasil analisis data menunjukkan fungsi sosial Rumah Adat Tongkonan adalah sebagai tempat musyawarah bagi rumpun keluarga melalui upacara Rambu' Solo dan Rambu' Tuka. Fungsi fizikal menunjukkan Rumah Adat Tongkonan adalah sebagai alat yang melambangkan status sosial, menggambarkan nilai-nilai kehidupan melalui motif ukiran dan warna, ruang rumah sebagai tempat menyimpan jenazah anggota keluarga dan struktur bawah Rumah Adat Tongkonan yang multifungsi. Fungsi ekonomi menunjukkan Rumah Adat Tongkonan dijadikan sebagai produk kerajinan tangan yang membantu pendapatan komuniti serta memperkenalkan Rumah Adat Tongkonan. Rumah Adat Tongkonan ini merupakan sebuah karya agung yang harus dilindungi agar ianya dapat menjadi tatapan generasi akan datang.

Kata Kunci: Warisan budaya, Sistem kepercayaan, Fungsi, Upacara, Status sosial

Pengenalan

Umum mengetahui bahawa negara Indonesia memiliki pelbagai kekayaan budaya yang sangat banyak disebabkan memiliki suku kaum yang beragam yang mana salah satunya adalah suku Toraja yang merupakan suku yang sangat unik dengan keragaman budayanya. Salah satu keunikan warisan budaya yang ditonjolkan oleh suku Toraja adalah Rumah Adat Tongkonan. Secara amnya, Rumah Adat Tongkonan ini merupakan pusat kehidupan sosial bagi Suku Toraja dan apa yang menarik perhatian tentang rumah adat ini adalah keunikannya sebagai rumah adat yang multifungsi sehingga pembangunannya juga tidak boleh dilaksanakan sembarangan (Tangdilintin, 1974). Keistimewaan Rumah Adat Tongkonan ini juga adalah ianya dibina diatas tumpukan kayu sebagai tiangnya, dihiasi dengan pelbagai ukiran serta memiliki bentuk atap seperti perahu atau tanduk kerbau dan biasanya sewaktu pembangunan rumah ini akan dibantu oleh keluarga yang besar (Mithen, Onesimus & Elisaberth, 2017). Menurut Marcelina Sanda (2018), Rumah Adat Tongkonan milik suku Toraja ini merupakan tempat tinggal, kekuasaan adat serta perkembangan kehidupan Suku Toraja. Tongkonan ini memiliki pusaka tertentu yang sakral dan harus dimunculkan pada upacara (Kis-Jovak, 1988:34) kerana ianya dikategorikan sebagai "rumah masyarakat" yang mempengaruhi kehidupan masyarakatnya (Levy-Strauss, 1983). Bukan itu sahaja, malah Rumah Adat Tongkonan ini juga dikaitkan dengan upacara-upacara yang menyangkut dengan sistem kepercayaan leluhur Suku Toraja dahulu yang disebut sebagai Aluk Todolo yang dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Aluk Rambu Tuka' yang melambangkan kegembiraan (upacara suka cita) dan Aluk Rambu Solo' yang melambangkan

kesedihan (upacara berduka cita) yang harus dilaksanakan di Rumah Adat Tongkonan (Tangdilintin, 1975). Rumah Adat Tongkonan ini mengandung banyak filosofi yang menggambarkan kehidupan suku Toraja menerusi kepercayaan, upacara serta peradaban nenek moyang Suku Toraja yang kesemuanya terkandung dalam Rumah Adat Tongkonan ini yang telah menjadikan Indonesia sebagai negara kaya dengan beragam budaya yang menarik perhatian para penyelidik dan pengembara (Ahimsa & Arwan, 2004).

Sorotan Literatur

Secara dasarnya, semua rumah mempunyai fungsi yang sama iaitu dijadikan tempat untuk berteduh bagi penghuninya. Hal ini sama halnya dengan Rumah Adat Tongkonan suku Toraja ini juga berfungsi sebagai rumah untuk didiami, melaksanakan aktiviti sosial, upacara kedukaan dan upacara kegembiraan serta menjadi tempat membina kekerabatan rumpun keluarga. Menurut perbincangan Nooy-Palm, 1979: 231 menyatakan bahawa Rumah Adat Tongkonan secara etimologinya dikenali dengan nama “Tongkon” atau gelaran yang lainnya “Ma’ Tongkon” yang bermakna duduk berkumpul sama ada untuk menentukan peraturan-peraturan mahupun membincangkan segala bentuk masalah secara bersama untuk mencapai kesepakatan dalam menghasilkan penyelesaian yang baik oleh para bangsawan Suku Toraja. Isu penelitian dalam penulisan ini adalah berpusat kepada ketiga-tiga objektif kajian iaitu fungsi dari segi sosial, fizikal dan ekonomi dalam kehidupan komuniti suku Toraja di Lalikan Pangala’ dimana ianya mempunyai peranan yang sangat tinggi dalam kepada komuniti Toraja. Oleh itu, timbul persoalan, pertama, bagaimanakah fungsi Rumah Adat Tongkonan dalam kehidupan komuniti Suku Toraja di Pangala’, Toraja Utara, Sulawesi Selatan, Indonesia. *Kedua*, apakah fungsi sosial dan fungsi fizikal, ketiga, apakah fungsi ekonomi Rumah Adat Tongkonan dalam kehidupan komuniti Suku Toraja di Lalikan Pangala’, Toraja Utara, Sulawesi Selatan, Indonesia.

Hasil kajian Mohammad Mochsen Sir (2015) mengenai Pengetahuan Tektonika Arsitektur Tongkonan yang dilakukan di Perkampungan Adat Palawa membincangkan tentang bentuk arsitektur Rumah Adat Tongkonan yang dibina berdasarkan kekuatan struktur sehingga memiliki bahagian-bahagian yang kuat dan sistematik. Menerusi kajian ini dapat dilihat bahawa penyusunan dan penyatuan Sullu Banua (struktur atas), Kale Banua (struktur tengah) sehinggalah Rattiang Banua (struktur bawah) merupakan perpaduan yang sempurna. Penelitian tektonika memfokuskan kepada aspek pemanduan barang-barang yang digunakan dalam pembinaan, sambungan unsur-unsur keindahan pembinaan sehingga menghasilkan sebuah Tongkonan yang kukuh. Hasil kajian juga menunjukkan sistem struktur dan konstruksi Tongkonan pada tiap bahagian merupakan sistem yang dapat berdiri sendiri dan kuat terhadap segala bentuk bebanan.

Selain itu, ialah hasil kajian Eka Fitri Puspa Sari, Somakin dan Yusuf Hartono (2017) mengenai Etnomatematika Pada Kebudayaan Rumah Adat Ogan Komering Ulu di Sumatera Selatan membincangkan berkenaan pendidikan matematika yang berhubungan dengan etnomatematika pada Rumah Adat Ogan Komering Ulu. Menerusi kajian ini dapat dirumuskan bahawa terdapat lima ruang rumah adat ini iaitu ruang Ambin (dunia atas) yang memiliki makna sakral dan hubungan darah sangat dijunjung tinggi, ruang Haluan dan ruang Kakudan (dunia tengah) mewakili perempuan dan lelaki yang membawa makna dua yang satu, serta ruang Garang dan ruang Pawon (dunia bawah) tempat untuk para tetamu dan tempat untuk mengajarkan anak perempuan memasak.

Dalam pada itu, kajian Identiti Rumah Tradisional Negeri Sembilan Melalui Evolusi Reka Bentuk oleh Noor Hayati, Mastor Surat, Raja Nafida dan Shahrul Kamil (2014) menunjukkan reka bentuk rumah tradisional Negeri Sembilan melambangkan masyarakat Adat Papatih. Kajian ini mendapati bahawa reka bentuk rumah adat Negeri Sembilan ini telah diasimilasikan dengan budaya tempatan mengikut kesesuaian persekitaran, sejarah, pengaruh budaya dan adat resam yang mewakili pelbagai makna sehingga terbentuknya identiti tersendiri menerusi penggabungan reka bentuk bumbung antara Minangkabau dan Melayu Negeri Sembilan menjadikan satu identiti.

Dalam pada itu, kajian selanjutnya adalah tentang Perilaku Rumah Tradisional Jawa “Joglo” terhadap gempa oleh Yulianto P. Prihatmaji (2007) membahaskan mengenai bentuk dan konstruksi rumah Joglo dianggap sebagai *master piece* milik suku Jawa yang terkesan berat dengan struktur *rong-rongan* (*umpak-soko guru-tumpang sari*) sebagai penahan beban lateral. Kajian ini juga mendapati bahawa apabila terjadinya gempa, struktur kayu *rong-rong* rumah Joglo menjadi struktur inti (*core in frame*) yang menahan gaya lateral dan didukung oleh kelenturan, redaman, kestabilan, keanjalan, kemuluran, hiperstatik kayu serta konstruksi. Kajian ini juga memperlihatkan hasil pengujian model struktur *rong-rongan* terhadap getaran gaya gempa menunjukkan bahawa sistem pembebanan menyumbang kestabilan terhadap gempa frekuensi tinggi dan akselerasi rendah-tinggi dan aman untuk daerah zon gempa.

Seterusnya, kajian tentang Arsitektur Tradisional Thailand yang dilakukan oleh Eka Laksanasetiaguna (2011) memperlihatkan bahawa arsitektur merupakan salah satu karakteristik unik di Thailand yang mencerminkan gaya hidup, nilai-nilai serta kepercayaan yang diwariskan secara turun temurun. Kajian ini mendapati bahawa Arsitektur Thailand merupakan disiplin yang dikembangkan dan disempurnakan sebagai ekspresi keindahan dari kebudayaan Thailand disebabkan kerana masyarakat Thailand memiliki rasa keterikatan yang kuat terhadap tempat tinggal dan tempat kelahiran mereka. Misalnya, gaya tengah (Ruen Thai Pak Glang) mendapat pengaruh Budhisme yang kental, gaya utara (Ruen Galae) pengaruh Lana style, gaya selatan (Ruen Thai Muslim) menerusi arsitektur muslim dan gaya daerah timur laut (Ruen Isaan).

Konsep Warisan Budaya

Menurut Koentjaraningrat (1981) warisan budaya sebagai keseluruhan sistem gagasan, tindakan dan hasil karya manusia dalam rangka kehidupan masyarakat yang dijadikan milik diri manusia dengan belajar. Manakala, menurut Roger M. Keesing (1971) menyatakan bahawa budaya merupakan sistem dari pola-pola tingkah laku yang diturunkan secara sosial yang menghubungkan manusia dengan lingkungan ekologi mereka. Ini juga disokong oleh Jokilehto (2005) menyatakan bahawa budaya adalah keseluruhan kompleks yang mencakup pengetahuan, kepercayaan, seni, moral, hukum, adat, kemampuan dan kebiasaan yang diperoleh manusia sebagai anggota masyarakat.

Konsep Rumah Adat

Menurut Darsono dalam Ashari (2013:4) rumah adat sebagai sebuah karya seni atau kesatuan dan ianya tercipta disebabkan adanya hubungan timbal balik antara nilai yang dipancarkan oleh fenomena bentuk fizik terhadap tanggapan kesedaran emosional. Ini disokong oleh Said (2004:47) menyatakan rumah adat merupakan bangunan dengan struktur, cara pembuatan,

bentuk, fungsi serta ragam hias yang memiliki ciri khas tersendiri lalu diwariskan secara turun temurun bertujuan melakukan kegiatan kehidupan oleh penduduk sekitarnya.

Konsep Sistem Kepercayaan

Menurut Harsojo (1998:228) kepercayaan merupakan sistem keyakinan atau sesuatu hal yang diyakini keberadaan atau kebenarannya dari suatu kelompok manusia yang berdiri diatas sebuah landasan yang menjelaskan cerita-cerita yang suci berhubungan dengan masa lalu. Kepercayaan juga dimunculkan dalam bentuk *folklore* yang dianggap benar-benar terjadi serta dianggap suci oleh pemilik cerita (Bcao dalam Danandjaya, 2002:50). Kepercayaan juga dikatakan sebagai pandangan hidup rakyat iaitu konsepsi yang dinyatakan tetapi implikasi tentang tempat mereka di tengah-tengah alam dan seluk beluk dunia mereka (Haviland terjemahan Soekadijo, 1985:229).

Konsep Tongkonan

Menurut Said (2004:49) Tongkonan terdiri dari kata “Tongkon” yang bermakna “duduk” dan diakhiri dengan akhiran “an” menghasilkan perkataan “Tongkonan” yang bermakna “tempat duduk” secara bergandengan dengan rumpun keluarga yang berkumpul bagi menjadi sebuah perpaduan yang berasal dari garis keturunan yang sama. Kelompok yang dimaksudkan adalah suatu rumpun keluarga yang diikat oleh suatu ikatan satu keturunan atau merasa berasal dari satu keluarga sehingga rumpun keluarga ini

Metodologi Kajian: Kaedah kutipan data kualitatif

Dalam penyelidikan ini, pengkaji menggunakan kajian kualitatif yang berbentuk deskriptif berupa kata-kata lisan atau tulisan tentang tingkah laku manusia yang dapat diamati (Taylor dan Bogdan, 1984). Ini adalah kerana kaedah ini dapat membantu pengkaji untuk mendapatkan maklumat kajian secara mendalam dengan menggunakan kaedah temubual secara bersemuka bersama responden. Manakala, kaedah kutipan data yang digunakan oleh penyelidik adalah temu bual mendalam (*in depth interviews*). Pengkaji telah menemubual seramai lima orang informan yang terdiri daripada komuniti suku Toraja di Lalikan Pangala', Toraja Utara bagi menjawab persoalan dan objektif kajian yang sudah dibentuk. Kaedah pemerhatian juga digunakan untuk melihat struktur, keadaan persekitaran Rumah Adat Tongkonan serta memahami bagaimanakah fungsi sosial, fungsi fizikal dan fungsi ekonomi yang dijalankan berasaskan Rumah Adat Tongkonan. Kaedah persampelan yang digunakan adalah sampel bertujuan. Informan terdiri khusus kepada satu kelompok (komuniti) di Lalikan Pangala', Toraja Utara tetapi mereka dihadkan kepada pembuat Rumah Adat Tongkonan bagi menjawab fungsi fizikal Rumah Adat Tongkonan. Empat daripada ahli komuniti Pangala' merupakan key informan untuk menjawab objektif fungsi sosial dan fungsi ekonomi Rumah Adat Tongkonan. Kaedah sumber data sekunder juga digunakan menerusi pembacaan buku dan jurnal yang diperolehi menerusi akses internet bagi mendapatkan maklumat lebih lanjut serta untuk menyokong penyelidikan yang dilakukan ini.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Seksyen dapatan kajian ini membincangkan mengenai bagaimanakah fungsi sosial, fungsi fizikal dan fungsi ekonomi Rumah Adat Tongkonan dalam kehidupan Suku Toraja di Kampung Lalikan Pangala', Toraja Utara, Sulawesi Selatan, Indonesia. Hasil kajian ini mendapati beberapa fungsi sosial, fungsi fizikal dan fungsi ekonomi rumah adat Tongkonan Suku Toraja seperti berikut:

Fungsi Sosial Rumah Adat Tongkonan Suku Toraja (Kekerabatan)

i. Upacara Pemakaman Rambul Solo: Upacara Kedukaan



Foto 1: Keranda Erong Dihadapan Tongkonan

Sumber: Kajian Lapangan, Ogos 2019

Upacara pemakaman Rambu Solo' merupakan sebuah tradisi kedukaan atau pesta kematian terhadap anggota keluarga dari sesebuah Rumah Adat Tongkonan. Umumnya, upacara Rambu Solo ini dikenali sebagai sebuah pemakaman yang tersohor dan salah satu yang termahal di Indonesia. Manakala keranda si mati yang disebut keranda "Erong" akan diletakkan tepat dihadapan Rumah Adat Tongkonan dan sekumpulan kerbau yang telah dibeli oleh seluruh rumpun keluarga haruslah dikumpulkan di hadapan Tongkonan untuk acara Ma'pasilaga Tedong bagi menghiburkan rumpun keluarga yang tengah bersedih diatas kehilangan tersebut. Upacara Rambu Solo' ini memperlihatkan nilai kekeluargaan yang begitu kuat diantara keluarga dimana mereka akan berkumpul secara "Kombongan" yang membawa erti gotong-royong atau perkumpulan kerana suku Toraja ini menjunjung tinggi hubungan silaturahim serta kebersamaan sesama mereka dalam membantu menanggung pembiayaan selama upacara Rambu Solo' berlangsung. Tongkonan berfungsi sebagai tempat berkumpul bagi rumpun keluarga untuk membincangkan segala persiapan seperti hari yang tepat untuk melangsungkan upacara pemakaman Rambu Solo', jumlah pembiayaan yang akan digunakan serta jumlah kerbau yang harus dikorbankan mengikut status bangsawan keluarga mereka serta kemampuan ekonomi masing-masing untuk menyediakan kerbau-kerbau tersebut.

"...pertama adalah Rambu Solo' pesta kematian salah satu anggota keluarga dari Tongkonan tersebut. Untuk melaksanakan acara tersebut rumpun keluarga mengadakan pertemuan atau musyawarah untuk membicarakan hari yang tepat untuk melaksanakan upacara atau pesta tersebut...."

(Munir, 2019)

ii. *Upacara Rambu Tuka': Upacara Kegembiraan*



Foto 2: Rumpun Keluarga Berkumpul Di Tongkonan (Perasmian Tongkonan dan Pelaminan Tongkonan)
Sumber: Kajian Lapangan, Ogos 2019

Rambu Tuka merupakan sebuah tradisi kesukaan atau syukuran yang lebih mengutamakan kepada ucapan syukur masyarakat Toraja yang diadakan di Rumah Adat Tongkonan seperti upacara Mangrara Banua (Perasmian Tongkonan) dan Upacara Rampanan Kapa (Perkahwinan). Mangrara Banua merupakan salah satu upacara syukuran dalam tradisi Rambu Tuka' yang dilaksanakan bertujuan untuk mengucapkan syukur kepada Puang Matua (Tuhan Yang Maha Esa) atas pembinaan sebuah Rumah Adat Tongkonan sekaligus sebagai perasmian bagi Rumah Adat Tongkonan tersebut. Mangrara Banua atau lebih dikenali sebagai upacara untuk mensucikan Rumah Adat Tongkonan dengan darah haiwan. Mangrara Banua atau lebih dikenali sebagai upacara untuk mensucikan Rumah Adat Tongkonan dengan darah haiwan sebelum ianya ditempati oleh pemilik Rumah Adat Tongkonan yang bertujuan untuk memberikan penghargaan kepada leluhur mereka yang menciptakan Tongkonan disamping mendapatkan kesejahteraan kehidupan di masa akan datang. Bagi upacara Rampanan Kapa merupakan upacara perkahwinan suku Toraja yang memiliki keunikannya tersendiri kerana pelaminan mereka haruslah dibina tepat di hadapan Rumah Adat Tongkonan yang mana pelaminan tersebut mempunyai dekorasi yang indah untuk dilihat, ini kerana ianya menjadi lambang penyatuan bagi keluarga yang mengadakan perkahwinan tersebut. Selain itu, pelaminan yang dibina tersebut menggunakan warna khasnya iaitu kuning dan merah sebagai tanda kegembiraan dan tenda yang dibina mengelilingi dihiasi dengan gantungan kertas kuning dan merah yang bertuliskan nama rumpun keluarga yang melaksanakan upacara tersebut. Menerusi kedua-ke dua upacara inilah mengeratkan kembali silaturahmi antara rumpun keluarga khususnya bagi yang merantau jauh.

“....keduanya adalah Rambu Tuka atau syukuran. Rambu Tuka ini juga punya dua upacaranya. Satu adalah upacara syukuran Tongkonan atau dipanggil Mangrara Banua Tongkonan yang dilaksanakan sesuai dengan hasil musyawarah rumpun keluarga dari Tongkonan itu. Upacara kedua adalah acara pernikahan atau Rampanan Kapa bagi anggota rumpun keluarga dari Rumah Adat Tongkonan....”

(Munir, 2019)

Fungsi Fizikal Rumah Adat Tongkonan Suku Toraja (Estetika)

- i. *Atap Sebagai Alat Untuk Meningati Leluhur dan Melambangkan Kepentingan Kerbau*



Foto 3: Atap Tongkonan Berbentuk Perahu dan Tanduk Kerbau

Sumber: Kajian Lapangan, Ogos 2019

Selain berfungsi sebagai tempat bermusyawarah, Tongkonan juga berfungsi sebagai alat pengingat leluhur menerusi atapnya yang melengkung berbentuk seperti perahu serta berbentuk seperti tanduk kerbau yang melambangkan kepentingan kerbau dalam kehidupan masyarakat suku Toraja. Menerusi bentuk atapnya yang sama seperti bentuk perahu menyimpan sebuah legenda mengenai asal-usul kedatangan masyarakat Toraja sekaligus menjadi kepercayaan bagi masyarakat Toraja sejak dari zaman dahulu yang menghiasi Tongkonan. Dikisahkan leluhur pertama suku Toraja turun dari syurga ke bumi dengan meniru konsep rumah di syurga dan membinanya di tempat yang telah dinamakan sebagai Tana Toraja sehingga mereka menyebarkan di seluruh Sulawesi Selatan, Indonesia. Leluhur Toraja berlayar menggunakan perahu dan kemudiannya pelayaran tersebut telah dilanda badai dan ribut sehingga perahu mengalami kerosakan teruk dan perahu tersebut dijadikan atap sebagai tempat perlindungan. Kemudiannya, para leluhur tersebut telah membuat sebuah rumah dengan menggabungkan bentuk perahu dan sebahagian dari konsep pembinaan rumah yang ditiru dari syurga dengan mengubah bahagian yang tertentu sehinggalah diberi nama “Tongkonan” dan dalam kata Toraja adalah “Tongkon” (Duduk). Selain atapnya berbentuk perahu, ianya juga berbentuk seperti tanduk kerbau yang melambangkan bahawa kerbau sebagai haiwan yang memiliki status sosial yang sangat tinggi nilainya berbanding dengan haiwan yang lain sehinggalah kerbau menjadi haiwan yang akan melambangkan status sosial dalam masyarakat Suku Toraja khususnya bagi yang memiliki garis keturunan bangsawan.

“...kalau kamu liat bentuk atap Tongkonan ini seperti perahu, nah cerita ini sudah dari zaman ke zaman di ceritain. Atap yang bentuknya seperti perahu itu adalah lambang bagi leluhur orang Toraja ini datang dari utara guna perahu setelah mereka turun dari syurga. Maka dibuatlah atap yang sama seperti perahu karna bila dipandang orang Toraja itu akan selalu ingat kalau leluhurnya datang guna perahu untuk sampai di sini. Kalau dilihat juga atap Tongkonan itu juga seperti bentuk tanduk kerbau yak an. Nah, kalau yang ini toh kerbau dianggap suci, punya nilai yang tinggi karna kerbau itu lambang kedudukan bangsawan Toraja....”

(Lutter, 2019)

ii. *Tanduk Kerbau di Hadapan Rumah Adat Tongkonan Sebagai Lambang Status Sosial*



Foto 4: Tanduk Disusun Mengikut Saiz Di Tongkonan

Sumber: Kajian Lapangan, Ogos 2019

Kerbau atau Tedong merupakan haiwan peliharaan utama bagi masyarakat Toraja yang dianggap suci dan tinggi darjatnya. Kerbau mempunyai fungsi ekonomi yang tinggi kerana ianya dijadikan sebagai alat penukaran transaksi moden iaitu ditukar dengan benda lain. Kerbau dipercayai melambangkan kesejahteraan sekaligus menandakan status sosial pemilik Tongkonan. Harga seekor kerbau juga tidaklah murah dan ianya mencecah jutaan rupiah keatas. Untuk menentukan harga kerbau tidak hanya dilihat pada saiznya sahaja, tetapi dilihat menerusi saiz tanduk, bentuk dan jenis kerbau. Jika kerbau yang dikorbankan sewaktu upacara "Rambu Solo" memiliki jumlah yang banyak, suku Toraja mempercayai bahawa arwah anggota yang meninggal akan semakin cepat dihantar ke alam roh (Puya). Apabila kerbau tersebut selesai dikorbankan, maka tanduknya akan disusun mengikut saiz dan ianya akan digantung tepat dihadapan Tongkonan untuk menandakan bahawa sudah ada pemilik Rumah Adat Tongkonan tersebut telah meninggal dunia dan sekaligus menandakan betapa tingginya darjat serta kekayaan yang dimiliki oleh rumpun keluarga tersebut. Oleh itu, kemampuan ekonomi jurai keturunan si mati adalah menerusi kepanjangan tanduk kerbau serta jumlah tanduk kerbau yang semakin banyak semakin tinggi status sosialnya.

"...kalau tanduk kerbau ini sebagai lambang status sosial atau kedudukan pemilik Tongkonan. Jika kerbau yang dikorbankan itu besar jumlahnya, maka kerbau-kerbau yang banyak itu akan mempercepatkan roh orang yang meninggal itu ke alam roh atau Puya dengan lebih cepat. Tanduk kerbau yang sudah dikorbankan itu juga akan digantung di hadapan Tongkonan ini sebagai tanda sudah ada pemilik Tongkonan meninggal dunia. Iya. Semua tanduk kerbau yang digantung di hadapan Tongkonan ini punya saiz yang berbeza disusun mengikut saiz. Saiz tanduk kerbau yang paling besar dan paling panjang ini adalah kerbau yang harganya puluhan juta...."

(Lutter, 2019)

iii. *Tulak Somba, Patung Ukiran Kerbau (Kabongo') dan Patung Ukiran Ayam (Katik)*



Foto 5: Ukiran Patung Kerbau dan Patung Ayam
Sumber: Kajian Lapangan, Ogos 2019

Tulak Somba merupakan tiang panjang yang berdiri secara menegak untuk menopang hujung atap Tongkonan yang memanjang dan berat serta masyarakat Toraja percaya bahawa tiang Tulak Somba ini berfungsi untuk menolak bala yang akan datang menimpa rumpun keluarga. Patung kerbau ini disebut dengan nama Kabongo' yang mana patung kerbau ini berfungsi untuk menandakan kebangsawanan serta kepemimpinan yang artinya Rumah Adat Tongkonan tersebut mempunyai fungsi adat dalam masyarakat Toraja di Lalikan Pangala'. Apabila adanya patung kerbau ini juga menandakan bahawa Rumah Adat Tongkonan tersebut mempunyai kedudukan yang paling penting dalam pengurusan adat-adat yang akan dilaksanakan, misalnya seperti upacara kedukaan atau pemakaman dan upacara kegembiraan atau suka ria. Patung kerbau yang dipasangkan tepat di hadapan Rumah Adat Tongkonan tersebut ini juga tidak hanya menggunakan satu jenis patung kerbau sahaja, namun demikian ianya mengikut pelbagai jenis kerbau yang biasanya memiliki status sosial yang tinggi dalam kerbau tersebut. Menerusi pemasangan patung kerbau di Tongkonan tersebut melambangkan bahawa kemampuan ekonomi rumpun keluarga tersebut untuk membeli kerbau yang mahal dan tinggi statusnya. Ukiran patung ayam pula jika dalam bahasa Toraja disebut sebagai Katik yang berfungsi bahawa pemilik Rumah Adat Tongkonan sudah dituakan, maksudnya disini adalah pemilik Rumah Adat Tongkonan tersebut adalah orang yang terlibat dalam pelaksanaan aturan masyarakat Toraja di Pangala', Toraja Utara. Misalnya, dalam upacara Ma' Nene orang yang telah dituakan tersebut bertindak sebagai orang yang akan membincangkan dimana tempat yang sesuai untuk memotong seekor kerbau apabila ingin memindahkan keranda ke kuburan patane (kuburan rumah) yang baru dari kuburan kayu yang lama. Maksudnya disini, adalah orang yang dituakan dalam rumpun keluarga pemilik Rumah Adat Tongkonan tersebut dianggap orang yang terpenting dalam setiap pelaksanaan adat dan merupakan orang yang paling terhormat di Lalikan Pangala', Toraja Utara.

"....Ini namanya Tulak Somba untuk menopang atap Tongkonan ini harapan orang Toraja juga ini sebabnya kan tiang ini bisa menahan beban Tongkonan, jadi makna tiang ini diharapkan bisa menolak segala bala yang datang menimpa rumpun keluarga. Kalau dalam masyarakat Toraja itu toh ada tiga kerbau yang tinggi statusnya, harganya juga lumayan mahal ya lagi-lagi kalau ikut saiz tanduk dan besarnya kerbau itu, harganya bisa puluhan juta ya. Selain sebagai penghias Tongkonan, Kabongo' itu juga lambang ekonomi pemilik Tongkonan tersebut karna itu mereka bisa membeli salah satu dari tiga kerbau itu. Nah, kalau Katik ini juga punya artinya. Ini menandakan kalau sudah ada pemilik

Tongkonan yang sudah di tuakan. Terkadang Tongkonan itu juga bisa dipasang patung naga ya sama kayak patung ayam ini cuman dia bentuknya naga, artinya juga masih sama kok....”

(Lutter, 2019)

iv. *Motif ukiran khas menggambarkan nilai-nilai kehidupan suku Toraja*



Foto 6: Empat Jenis Ukiran *Garonto' Pasura'*

Sumber: Kajian Lapangan, Ogos 2019

Motif ukiran yang terdapat pada rumah adat Tongkonan adalah sebanyak seratus tiga puluh ukiran yang merupakan pengembangan daripada empat dasar ukiran khas Toraja peninggalan leluhur yang disebut dalam bahasa Toraja sebagai *Garonto' Pasura'*. *Pa' Tedong* merupakan sebuah ukiran kepala kerbau yang diukir pada papan besar teratas (*Indo' Para*) dan bahagian badan Tongkonan *Manangga Banua* sebagai lambang kesejahteraan, kekayaan, kebangsawanan, *mas kahwin*, alat transaksi jual beli, objek persembahan serta peranannya menguruskan tanah pertanian. *Pa' Barre Allo* merupakan ukiran bulatan matahari yang diukir di bahagian depan, tepi dan belakang Tongkonan serta di papan segi tiga (*Para Longa*) atas Tongkonan dan biasanya akan diukir bersama dengan ukiran *Pa' Manuk Londong* sebagai lambang kebanggaan dan nilai kebesaran suku Toraja. Ukiran ini juga sebagai lambang kesyukuran dan keyakinan terhadap sumber kehidupan yang diberikan oleh Tuhan. makna sinaran matahari juga melambangkan tentang ilmu pengetahuan yang menerangi suku Toraja dalam kehidupan mereka. *Pa' Manuk Londong* merupakan ukiran ayam jantan yang diukir di bahagian depan, belakang serta di papan segi tiga (*Para Longa*) atas Tongkonan dan sering diukir berpasangan dengan ukiran *Pa' Barre Allo*. Kedua-dua ukiran diukir secara bersama untuk menandakan bahawa ayam mengetahui jika waktu pagi sudah tiba. Ukiran ini juga melambangkan kepemimpinan, kejujuran, amanah, bijaksana, aturan dan adat, hukum adil dan saksama serta keberanian dalam melakukan sesuatu dan simbol harapan agar mampu menyesuaikan diri dengan keadaan apapun sama seperti ayam yang mengetahui akan waktu terang dan gelap. *Pa' Sussu* ini adalah sebuah ukiran yang berbentuk garisan sejajar yang diukir pada dinding Rumah Adat Tongkonan secara melintang. Ukiran ini harus diukir secara melintang untuk menandakan bahawa Tongkonan berfungsi untuk menentukan dasar-dasar kehidupan masyarakat Toraja. Ukiran ini menjadi penanda kepada hubungan kekerabatan dan kesatuan dalam masyarakat Toraja yang menjunjung tinggi nilai kerjasama antara mereka apabila melaksanakan sesuatu acara, misalnya upacara *Ma' Nene*, *Rambu Solo'* dan *Rambu Tuka'* dimana kaum kerabat bersama dengan penduduk kampung melakukan gotong-royong membuat persiapan. Ukiran ini juga melambangkan kebangsawanan pemilik rumah yang akan menentukan segala peraturan serta norma-norma yang terdapat dalam kehidupan Suku Toraja.

“....yang ini Pa’ Tedong. Kalau kerbau itu penting dalam kehidupan orang-orang Toraja karna kerbau itu haiwan suci dalam upacara Rambu Solo’ sama Rambu Tuka’. Ukiran Pa’ Tedong ini ukiran utama yang harus diukir pada sebuah Rumah Adat Tongkonan. Pa’ Tedong bentuknya kepala kerbau yang diukir di Indo’ Para juga di Manangga Banua. Seperti yang sudah dibilang tadi kerbau itu nilainya tinggi. Umumnya ukiran Pa’ Tedong ini membawa arti status bangsawannya. Ukiran Pa’ Tedong ini juga artinya adalah kesejahteraan dan kekayaan. Ukiran Pa’ Barre Allo juga ukiran yang harus diukir pada Tongkonan yang biasanya ditemani dengan ukiran Pa’ Manuk Londong yang diukir di Para Longa papan tiga segi. Ukiran Pa’ Barre Allo ini artinya orang Toraja itu harus sentiasa bersyukur kepada segala sumber kehidupan yang diberikan sama Puang Matua. Ukiran Pa’ Manuk Londong artinya ayam itu tahu kalau sudah pagi, kalau sudah pagi kan ayamnya pasti berkokok toh. Ukiran Pa’ Manuk Londong ini adalah simbol harapan yang punya artinya yang lain seperti nilai-nilai dalam kehidupan seharian kita kayak tidak suka berbohong, bijak, jalankan amanahnya, hukum, keadilan dan berani. Kemana pun orang Toraja itu merantau ke negara lain biasa membiasakan diri dengan persekitaran di sana karna ukiran ini adalah harapan ya sudah seperti satu doa lah. Ukiran Pa’ Sussu ini bukan saja menjadi lambang nilai kebersamaan, tapi juga menjadi lambang bangsawan dalam melakukan aturan-aturan, hukum dan norma dalam kehidupan....”

(Nek Osse, 2019)

v. *Warna khas yang menggambarkan nilai-nilai kepercayaan kehidupan suku Toraja*

Rumah Adat Tongkonan ini hanya menggunakan warna khasnya yang tersendiri iaitu warna kuning, warna merah, warna putih dan warna hitam yang mewakili kepercayaan suku Toraja yang berkaitan dengan kehidupan manusia dan mempunyai hubungkait dengan kepercayaan asli suku Toraja iaitu Aluk ToDolo. Warna kuning dilambangkan sebagai sinaran matahari yang menjadi sumber kehidupan suku Toraja. Warna kuning menjadi lambang betapa luasnya ilmu yang dimiliki oleh seseorang apabila menuntut ilmu sehingga ke tahap yang lebih tinggi yang diumpamakan seperti sinaran matahari yang meneranginya. Warna kuning ini juga sering digunakan dalam upacara Rambu Solo’ untuk menandakan status sosial pemilik Rumah Adat Tongkonan yang telah meninggal dunia iaitu sebagai keturunan bangsawan. Warna merah dilambangkan sebagai warna darah manusia yang berarti kehidupan manusia dan biasanya akan dipakai dalam upacara Rambu Tuka’ bagi melambangkan warna kebahagiaan. Misalnya, dalam upacara perkahwinan dan upacara perasmian Tongkonan bagi melambangkan adanya pesta untuk meraih sebuah kegembiraan kerana dalam kehidupan sosial masyarakat Toraja amat menjunjung tinggi nilai kekerabatannya sesama penduduk kampung. Warna putih melambangkan warna tulang dan daging manusia yang diumpamakan seperti warna putih yang suci kerana ianya mencerminkan kehidupan manusia yang dianggap suci. Oleh sebab itu, warna putih wajib digunakan pada rumah adat Tongkonan kerana ianya dianggap sebagai tempat yang suci. Ini kerana dalam suku Toraja mereka amat menjunjung tinggi rumah adat Tongkonan sebagai warisan yang diturunkan oleh leluhur mereka. Warna hitam dilambangkan sebagai kematian dan kegelapan kerana warna hitam akan menjadi akhir dari perjalanan setiap manusia di muka bumi ini dan ia biasanya akan digunakan dalam upacara Rambu Solo’ untuk menandakan adanya pemilik Rumah Adat Tongkonan dalam rumpun keluarga tersebut yang telah meninggal dunia. Oleh hal yang demikian, keempat-empat ini kerana ianya melambangkan keseluruhan proses kehidupan sehinggalah berlakunya kematian yang dihadapi oleh setiap manusia.

“...nah Kalau warna kuning ini warna bangsawan. Warna kuning ini juga warnanya matahari yang menajdi lambang ilmu seseorang yang di umpamakan seperti sinaran matahari. Sepertinya kalau dalam Rambu Solo' warna kuning memang harus ada karna yang meninggal itu keturunan bangsawa. Warna merah itu adalah warna darah manusia seperti diumpamakan seperti kehidupan manusia. Kalau dalam upacara Rambu Tuka' warna merah akan digunakan bagi meraihhkan kegembiraan kayak upacara perkahwinan, upacara Mangrara Banua. Nah, kalau yang warna putih ini itu umpamanya seperti warna tulang dan daging manusia karna kan kehidupan manusia itu suci. Warna putih melambangkan kalau memang Rumah Adat Tongkonan adalah tempat suci yang diwariskan leluhur sama kita. Kalau yang warna hitam ini adalah warna akhir dari perjalanan manusia karna warna hitam itu lambang kematian dan kegelapan sama seperti warna kuning, warna hitam juga akan digunakan dalam upacara Rambu Solo' sebagai tanda adanya pemilik Tongkonan meninggal dunia....”

(Nek Osse, 2019)

- vi. *Fungsi ruang 'sumbung' rumah adat Tongkonan sebagai tempat menyimpan jenazah anggota keluarga*



Foto 7: Jenazah Di Ruang Sumbung
Sumber: Kajian Lapangan, Ogos 2019

Dalam masyarakat Toraja, sebelum memulakan upacara pengebumian, jenazah akan diletakkan di salah satu ruangan yang dikenali sebagai ruang Sumbung atau bahagian yang terletak di bahagian selatan dalam rumah adat Tongkonan. Bahagian ini sememangnya khusus dibuat untuk menyimpan jenazah anggota keluarga meskipun dalam jangka masa yang lama sehingga tiba upacara pengebumian yang disebut sebagai Rambu Solo'. Jenazah yang disimpan di ruangan Sumbung ini tidak akan membusuk atau mereput kerana masyarakat Toraja ini amat terkenal dengan pengawetan jenazah mereka yang tersendiri sehingga jenazah yang diawet tersebut mampu untuk bertahan hingga berpuluh tahun lamanya. Jenazah yang disimpan tidak akan sama sekali dianggap sudah meninggal dunia, akan tetapi jenazah tersebut akan terus dianggap seperti orang yang sedang sakit sahaja dan anggota keluarganya akan meletakkan gelas, kain, daun sirih, pinang dan lain-lain lagi barang kesayangannya sewaktu masih hidup. Sudah menjadi satu rutin atau kebiasaan dalam masyarakat Toraja apabila setiap kali mereka melawat jenazah anggota keluarga mereka pasti akan mengajaknya berbicara sepertimana saat ia masih hidup bagi menyampaikan rasa rindu mereka.

“....ada ba. Ada satu ruang untuk simpan mayat keluarga. Kalau mayat nenek ni sudah disimpan di sini sudah enam bulan begitu kan indo Erin? Mayat yang disimpan di Tongkonan itu biasanya sudah diawet supaya tidak busuk dan reput selama dia disimpan di Tongkonan. Kan sudah diawet boleh lah bertahun sampai bulan-bulan atau sampai tahun. Ikut anak-anak dia lah sampai bila dorang mau buat Rambu Solo' kalua duit sudah cukup baru nenek ini akan dibuat upacara Rambu Solo'. Kalau orang Toraja tu ada guna bahan awet dari daun....mama pun tidak ingat sudah. Tapi dorang ada pakai daun yang bikin kasi awet tu mayat supaya tidak cepat buruk sama busuk. Nah, sini kau tengok nie nenek nie macam tidur jak kan. Kena anggap macam belum meninggal saja nenek nie. Dalam plastik adalah tu dia punya beg kain yang macam nenek punya dulu yang ikat di perut tu ba sama pinang-pinang, daun sirih semua dikasi ikut. Iya seperti itu. Harus disimpan di Tongkonan sebelum upacara Rambu Solo' dilaksanakan bagi rumpun keluarga yang punya darah bangsawan. Sebab itu memang wajib. Orang Toraja yang memiliki keturunan bangsawan, ketika ada yang meninggal harus ada Rambu Solo' tidak kira berapa masa Rambu Solo' baru dapat dilaksanakan. Jadi, itulah mayat disimpan di rumah dulu....”

(Bunda, 2019)

Fungsi Ekonomi Rumah Adat Tongkonan Suku Toraja (Produk Pelancongan)

- i. *Rumah Adat Tongkonan Sebagai Pusat Pengeluaran Produk Kerajinan Tangan (Kraftangan)*



Foto 8: Miniatur Tongkonan Mengikut Saiz

Sumber: Kajian Lapangan, Ogos 2019

Rumah Adat Tongkonan ini juga memiliki fungsi ekonomi dimana ianya dijadikan sebagai produk dalam bidang pelancongan yang dipanggil sebagai “Kerajinan Tangan”. Suku Toraja bergiat aktif dan sangat hebat dalam menghasilkan produk pelancongan mereka sendiri berasaskan Rumah Adat Tongkonan yang dipanggil sebagai Miniatur Tongkonan sebagai cenderamata yang boleh dibeli oleh para pelancong. Selain itu, kerajinan tangan ini juga dapat memperlihatkan kepakaran Suku Toraja dalam bidang kesenian kerana secara umumnya mereka ini sangat hebat dalam bidang kesenian sehinggalah rumah adat Tongkonan yang sebenar ditransformasikan kepada produk kerajinan tangan mengikut bentuk asal Tongkonan dengan hanya menggunakan bamboo sebagai bahan utamanya. Penjualan Miniatur Tongkonan

ini dijual di tokoh oleh-oleh yang beroperasi dari seawal jam 9 pagi sehinggalah jam 6.30 petang. Harga adalah mengikut saiz miniatur rumah adat Tongkonan tersebut, maka harga bagi miniatur rumah adat Tongkonan yang bersaiz kecil adalah bermula dari 38,200 Rp, manakala bagi harga rumah adat Tongkonan yang bersaiz sederhana adalah berharga bermula dari 160 Rp sehingga mencecah 550 Rp dan keatas. Penjual Miniatur Tongkonan yang menjual Miniatur Tongkonan yang memiliki saiz yang lebih besar akan mendapat pulangan yang sangat lumayan kerana harga yang dijual adalah mencecah 22 juta Rp bersamaan dengan duit Malaysia adalah mencecah RM6,000 lebih dalam masa sehari sahaja jika terdapat masyarakat dari luar sama ada masyarakat Toraja mahupun masyarakat dari wilayah lain yang menempah lebih dari satu Miniatur. Miniatur Tongkonan ini juga dibuat dengan pelbagai saiz yang berbeza iaitu dari saiz kecil, sederhana sehinggalah lebih besar dan biasanya saiz miniatur rumah adat Tongkonan yang dibuat oleh perajin tangan adalah mengikut tempahan atau permintaan daripada pelanggan mereka. Tongkonan yang bersaiz besar harganya dapat mencecah dua kali ganda iaitu sebanyak 44 juta Rp.

“...kerajinan tangan ini ya bisa bantu pelancong lebih kenal lagi budaya orang Toraja. Orang Toraja itu hebat dalam kerajinan tangan untuk hasilkan Rumah Adat Tongkonan yang kecil ini. Tokoh oleh-oleh ini akan dibuka jam 9 siang sehingga 6.30 soreh. Nah, kalau ibu menjual Miniatur Tongkonan ini ibu bisa mendapatkan hasil yang lumayan banyak juga ya kalau menjual Miniatur Tongkonan ini. Karna Miniatur Tongkonan yang besar ini harganya sampai 22 juta Rp dan lebih dari ini tergantung saiznya juga, biasanya ada juga orang dari luar buat orderan Miniatur Tongkonan yang besar ini. Nah, kalau dalam sehari bisa dibbilang lumayan ya jika di tambah dengan jual oleh-oleh Toraja yang lain meskipun terkadang pendapatannya tidak tentu tapi bisa dibbilang masih lumayan lah, Hahaha. Lumayan karna bisa bantu pendapatan keluarga. 22 juta Rp itu hanya hasil dari menjual Miniatur Tongkonan kepada wisatawan-wisatawan belum lagi dicampurkan dengan hasil menjual oleh-oleh yang lainnya. Tapi hasil dari menjual Miniatur Tongkonan ini juga ngak hari-hari juga, kalau ada tempahan pastinya dapatlah 22 juta Rp atau lebih dari itu. Ngak menentu juga. Harganya juga berbeda ya mengikut saiznya. Kalau saiz yang kecil ini harganya sekitar 38,200 Rp, saiz yang setengah besar ini harganya sekitar 160 Rp hingga 550 Rp, nah bagi yang saiznya yang besar ini bisa sampai 22 juta Rp atau bahkan tinggi lagi harganya ya karna bikinnya juga ngak mudah seperti yang lain ini. Kalau kamu bisa liat kelengkapan seperti tanduk kerbau, patung kerbaunya juga lengkap berbanding yang lebih kecil dan setengah besar tadi. Makanya harganya juga bisa ke 22 juta Rp bahka lebih mahal dari harga itu....”

(Ibu Santi, 2019)

Kesimpulan

Rumah Adat Tongkonan merupakan sebuah kebanggaan dan kemegahan bagi seluruh Suku Toraja khususnya komuniti Suku Toraja di Pangala', Toraja Utara, Sulawesi Selatan, Indonesia kerana rumah adat ini bukan sahaja dijadikan sebagai tempat tinggal mereka, tetapi ianya amat terkait dengan hubungan kekerabatan Suku Toraja dengan seluruh rumpun keluarga meskipun terdapat anggota keluarga yang sudah meninggal dunia. Rumah Adat Tongkonan milik Suku Toraja dilihat sebagai salah satu agen dan ikon untuk memacu perkembangan pelancongan Indonesia serta memperkenalkan Indonesia kepada seluruh masyarakat di dunia agar dengan

kekayaan kebudayaan yang dimilikinya. Oleh hal yang demikian, untuk terus melestarikan Rumah Adat Tongkonan maka generasi muda Suku Toraja pada masa kini haruslah bertindak sebagai penerus dengan mendidik diri mereka sendiri untuk mempelajari segalanya tentang Rumah Adat Tongkonan agar mereka mampu untuk mempertahankannya sebagai warisan budaya peninggalan leluhur.

Penghargaan

Penyelidik ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada ramai pihak terutamanya komuniti Toraja kerana telah memberikan kerjasama yang sangat baik sehingga penyelidik dapat menyelesaikan penulisan dengan jayanya. Setinggi-tinggi penghargaan juga diucapkan kepada Profesor. Dr. Rosazman Hussin dan Prof. Madya Dr Gusni Saat yang telah banyak memberikan tunjuk ajar dan bimbingan bagi menjayakan kajian dan penulisan makalah ini..

Rujukan

Artikel Jurnal

- Nurul Ilmi Idrus. (2016). *Mana' dan Eanan: Tongkonan, Harta Tongkonan, Harta Warisan dan Kontribusi Ritual di Masyarakat Toraja*. Kajian kes di Sangalla, Tana Toraja, Sulawesi Selatan, Indonesia. *Jurnal Etnografi Indonesia*. Vol. 1, No. 2.
- Abd. Rahman Rahim. (2017). *Mengenal Lebih Dekat Tana Toraja*. Jakarta Timur: Badan Pengembangan dan Pembinaan Bahasa.
- Ahimsa & Arwan. (2004). *Jejak Masa Lalu Sejuta Warisan Budaya*. Yogyakarta: Kunci Ilmu.
- Duli, Akin & Hasanuddin. (2003). *Toraja, Dulu dan Kini*. Pustaka Refleksi.
- Kis-Jovak, Jowa I.; Hetty Nooy Pal, Reimar Schefold, and Ursula Schulz-Dornburg. (1988). *Banua Toraja: Changing Patters in Architecture and Symbolism among the Sa'dan Toraja Sulawesi Indonesia*. The Netherlands: Royal Tropical Institute.
- Levy-Strauss, C. (1983). *The Way of the Masks*. Seattle: University of Washington Press.
- Mithen Lullulangi, Onesimus Sampebua' & Elisaberth Rambulangi. (2017). *Arsitektur Tradisional Ramah Lingkungan*. Samata: Gunadarma Ilmu.
- Tangdilintin, L. T. (1974). *Toraja dan Kebudayaanannya*. Lembaga Sejarah dan Antropologi. Ujung Padang: Dinas Pendidikan dan Kebudayaan.
- Tangdilintin, L. T. (1975). *Toraja dan Kebudayaanannya*. Rantepao: Yayasan Lepongan Bulan.

Buku

- Abdul Azis Said. (2004). *Toraja Simbolisme Unsur Visual Rumah Tradisional Toraja*. M. Nursam (Eds.). *Rumah Tinggal Tradisional Toraja (Tongkonan)*. Yogyakarta: Ombak.
- Hetty Nooy-Palm. (1979). *The Sa'dan-Toraja: A Study of Their Social Life and Religion, Vol. I, Organization, Symbols and Beliefs*. Leiden: KITLV.
- Marcelina Sanda, Maria Heny & Welly E. (2018). *Rumah Adat "Tongkonan" Orang Toraja Kabupaten Tana Toraja Provinsi Sulawesi Selatan*. Kajian kes Kabupaten Tana Toraja, Sulawesi Selatan, Indonesia. *Holistik*, Tahun XI, No. 22.